

25/09/1997

29 sertai tilawah al-Quran

KUALA TERENGGANU, Rabu - Seramai 29 qari dan qariah akan menyertai tilawah al-Quran peringkat kebangsaan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu, dari 6 hingga 10 Oktober ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata tilawah bertema 'Akhlaq Mulia Umat Sejahtera' itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada jam 8.30 malam.

Upacara penutup dan penyampaian hadiah dilakukan Sultan Terengganu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka hadir pada 10 Oktober.

"Pada 11 Oktober, Dr Mahathir akan merasmikan Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati) di Telok Kalong, Kemaman," katanya selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri, di sini, hari ini.

Wan Mokhtar berkata, seminar, ekspo al-Quran dan klinik al-Fatihah juga diadakan sempena majlis tilawah itu.

"Seminar al-Quran diadakan di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin pada 7 dan 8 Oktober," katanya.

(END)